

Kerajaan kuasai 80% PUTRA, STAR

UM 1 SEP 2001

KUALA LUMPUR 31 Ogos — Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbandkan (MoF) akan menguasai 80 peratus kepentingan dalam dua buah syarikat pengendali sistem pengangkutan kereta api ringan (LRT) di Kuala Lumpur, PUTRA dan STAR, yang kesemuanya menghadapi masalah hutang pinjaman RM5.32 bilion.

Bloomberg dalam laporan berita yang memetik dokumen yang diperolehnya itu di sini hari ini berkata, baki 20 peratus kepentingan itu akan dipegang oleh Renong Bhd., Taylor Woodrow Plc, dana pencen dan pemegang-pemegang saham lain.

Menurut rancangan terkadung dalam dokumen setebal 14 muka surat dan bertarikh 29 Ogos, pembelian itu dibuat melalui Syarikat Prasarana Negara Bhd. (SPN) yang mana 80 peratus kepentingannya dimiliki MoF Inc.

Katanya, kerajaan akan me-

ngubah hutang pinjaman itu kepada bon yang dikatakan lebih murah berbanding rancangan awal kerana jaminan bon yang akan membayar pemiutang pada kadar kupon yang lebih rendah.

Kata dokumen itu, SPN akan membayar pinjaman daripada pemiutang dengan menerbitkan bon kepada mereka dalam empat peringkat dengan masa matang antara lima hingga 15 tahun, pada kadar kupon antara 4.00 hingga 5,40 peratus.

Dokumen

Menurut dokumen, kadar tersebut adalah lebih rendah daripada sebelum ini iaitu 5.8 peratus dan 7.2 peratus kerana kerajaan akan menjamin bon tersebut.

“Pemiutang dijangka mencapai kata putus mengenai rancangan itu pada minggu kedua September ini.

“Bon itu akan diterbitkan pada penghujung tahun ini.

“Pemiutang tidak akan di-

minta untuk menanggung sebarang kerugian pada jumlah prinsipal walaupun mereka akan diminta untuk mengeneppikan sebarang penalti faedah,” kata dokumen itu.

Pembelian itu sekiranya dilaksanakan merupakan pembelian yang terbesar dalam dunia korporat tempatan.

Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah mengemukakan rancangan yang dikaji semula untuk syarikat-syarikat kereta api itu pada Rabu lalu kepada pemberi pinjaman termasuk Bayerische Landesbank, RHB Bank Bhd., PhileoAllied Bank Bhd. dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Datuk Azman Yahya, bagaimanapun gagal dihubungi untuk mendapat penjelasan lanjut.

Tiga bulan lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menengguhkan penjualan bon bernilai RM5.5 bilion, pertama diumumkan

pada Disember, untuk membiayai pengambil alihan ‘sistem kereta api kerana ia terlalu mahal.

Berkurangan

Pada 1999, salah sebuah daripada dua kumpulan yang mengendalikan LRT tanpa pemandu dalam dunia memungkiri pembayaran hutang selepas bilangan penumpang berkurangan.

Pada 1999, Renong yang memiliki Projek Usaha Sama Transit Automatik Sdn. (PUTRA), mungkir terhadap bayaran faedah pinjaman sebanyak RM44.6 juta terhadap pinjaman RM2 bilion apabila perolehannya tidak mencukupi untuk menampung kos.

Sebuah lagi syarikat ialah Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd. (STAR), yang dimiliki oleh KWSP, Taylor Woodrow Plc. dan perbadanan-perbadanan lain yang diuruskan oleh kerajaan.